

# Analisis Faktor Kes Pembubaran Perkahwinan Yang Kerap Bermasalah Di Mahkamah Syariah

Farah Safura Muhammad\*, Aminuddin Ruskam

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: fsafura2@utm.my

## Abstrak

Peningkatan kes pembubaran perkahwinan di Malaysia bukan sesuatu yang baharu. Bahkan peningkatan tersebut semakin membimbangkan dan memberi tekanan terutama kepada sistem pentadbiran Mahkamah Syariah. Terdapat beberapa elemen permasalahan yang dibangkitkan seperti isu penangguhan kes, isu diskriminasi wanita, dan isu kelemahan sistem pentadbiran Mahkamah Syariah. Walaupun begitu hanya beberapa jenis kes sahaja yang didapati kerap bermasalah iaitu kes fasakh dan kes pengesahan lafaz cerai. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual mendalam yang melibatkan sepuluh Pegawai Syariah di Negeri Selangor. Seterusnya, dapatan kajian diolah menggunakan perisian Nvivo 10 dan menghasilkan jadual faktor kes yang kerap bermasalah di Mahkamah Syariah. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa kes perlu diberi perhatian. Justeru, Faktor tersebut diharapkan dapat dimanfaatkan untuk penambahbaikan pentadbiran kes pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah.

**Kata Kunci:** Kes pembubaran perkahwinan; faktor kes bermasalah; mahkamah syariah; fasakh; pengesahan lafaz cerai

## Abstract

The increase in the dissolution of marriage is not something new. In fact the increase in cases is alarming and at the same time pressuring the administrative system of the Syariah Court. There are a lot of issues raised, such as the delayed of cases, discrimination against women, and the vulnerabilities of the Syariah Court's administrative system. Even so, only a few types of cases are found troublesome such as the case of fasakh and divorce outside the court. This study used a qualitative approach through in-depth interviews and document analysis involving ten Syariah Officer and Syariah Court case files. The findings were then processed using the software NVivo 10 to show their finding in cases that are often found in the Syariah Court. Results showed that there are cases in need of attention. Thus, these findings are expected to be utilized to further improve the administrative system for dissolution cases in the Syariah Court.

**Keyword:** Dissolution of marriage; troublesome cases; shariah courts; fasakh; divorce outside the court

© 2016 Penerbit UTM Press. All rights reserved

## 1.0 PENGENALAN

Peningkatan kes pembubaran perkahwinan di Malaysia menunjukkan kadar peningkatan yang membimbangkan. Situasi tersebut nyata memberi impak yang besar kepada budaya sosial rakyat Malaysia. Bukan itu sahaja, peningkatan kadar pembubaran perkahwinan juga turut memberi pengaruh kepada sistem pentadbiran kes di Mahkamah Syariah. Menurut statistik kes pembubaran perkahwinan di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, berlaku peningkatan kes pada tahun 2012 sebanyak 14 314, tahun 2013 sebanyak 19 932 dan meningkat sebanyak 22 230 pada tahun 2014. (Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, 2012). Statistik tersebut jelas menunjukkan kadar pembubaran perkahwinan berada pada tahap yang membimbangkan dan situasi ini mendorong usaha yang kuat dari pihak Mahkamah Syariah agar dapat mentadbir dengan lebih baik. Situasi peningkatan kes cerai turut diakui oleh penolong pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Langat:

*apa yang kita boleh tengok dengan apa yang berlaku sekarang ni di dalam negeri Selangor, di dalam daerah Hulu Langat sebenarnya top rank dikalangan mahkamah rendah di Selangor.juga di Malaysia. Ini pengalaman saya bila dapat respon bila hubungi mahkamah lain diorang beri respon agak terkejut juga dengan situasi di Hulu Langat..tak sama di negeri lain kecuali di wilayah persekutuan. Jadi kesnya memang meningkat. Pengalaman saya di Banting dulu pun walaupun daerah kategori B maknanya daerah tidak berapa sibuk sangat kesnya, itu pun meningkat dari tahun ke tahun sebanyak 100 kes lebih kurang. Di kajian ini situasinya pon sama tapi Cuma di daerah Hulu Langat ni peningkatannya lebih sikitlah.*

(Temubual UMS/MRSHL/R9 Oktober 2014)

Tekanan tersebut telah mendesak Jabatan Kehakiman Syariah Selangor mengorak langkah dengan melaksanakan proses kerja *Fast track* iaitu pendekatan menyelesaikan kes dari 90 jam menjadi hanya 6 jam sahaja. Namun proses tersebut hanya disyorkan kepada permohonan cerai di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam sahaja (Berita Harian, 4Julai 2015). pendekatan tersebut sudah pasti satu langkah yang baik, namun harus dipergiatkan kerana mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), kes cerai yang kerap tertangguh ialah kes fasakh sebanyak 876 pada tahun 2010, 1075 pada tahun 2011 dan 1715

pada tahun 2012. Manakala jumlah tangguhan bagi kes pengesahan lafaz cerai sebanyak 955 pada tahun 2010, 1228 pada tahun 2011 dan pada tahun 2012 sebanyak 1515 kes. (Statistik Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, 2012) Ini sudah pasti memberi tamparan hebat kepada pihak Mahkamah Syariah untuk menambah baik pentadbiran kes pembubaran perkahwinan di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor.

## ■2.0 PENYATAAN MASALAH

Sistem Pentadbiran Mahkamah Syariah memainkan peranan dalam menentukan hala tuju pentadbiran yang cemerlang. Pernah suatu ketika Mahkamah Syariah berhadapan dengan *court bashing* kerana beberapa isu permasalahan yang berlaku. (Raihanah Abdullah, 2009) Hal ini berlaku kerana Mahkamah Syariah dikatakan sebagai institusi yang lemah dalam kelancaran sistem pentadbiran kes. Antara yang akan dibincangkan ialah isu kes tertangguh dan isu diskriminasi hak wanita di Mahkamah Syariah. Berkenaan isu tertangguh yang berlaku di Malaysia, sebenarnya ia bukan sesuatu yang baharu. Terdapat banyak penulisan telah dilakukan yang mengaitkan Mahkamah Syariah dan kelemahan pentadbirannya dalam menyelesaikan kes pembubaran perkahwinan. pertumbuhan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Sisters in Islam antara pihak yang telah mengkritik institusi Mahkamah Syariah dengan mengatakan penangguhan yang berlaku di Mahkamah Syariah mengambil masa yang lama dan penangguhan dilakukan tanpa asas yang kukuh (Sister in Islam, 1999) Selain itu, mereka turut membandingkan penangguhan tersebut dengan pengabaian hak wanita berikutan golongan tersebut dikenal pasti sebagai pelanggan utama Mahkamah Syariah. Hal tersebut turut disuarakan oleh Maznah Mohammad (2000) bahawa wanita merupakan pelanggan utama yang sering membuat permohonan pembubaran perkahwinan. Hal ini seolah-olah satu bentuk penganiayaan atau diskriminasi terhadap wanita. Tambahnya lagi, Mahkamah Syariah melaksanakan amalan tidak mesra wanita dan orang miskin. Selain itu, penangguhan kes ke satu tarikh yang lama adalah membuang masa dan dilihat satu bentuk pengabaian terhadap kebajikan wanita dan orang miskin (Maznah Mohammad, 2000) Akhbar News Straits Times (1996) juga pernah melemparkan kritikan terhadap Mahkamah Syariah dengan menegaskan bahawa Mahkamah Syariah perlu segera memberhentikan diskriminasi terhadap hak wanita dan harus melayan wanita dengan adil. Tambah akhbar itu lagi, kelemahan tersebut berpunca daripada layanan pegawai mahkamah dan menegaskan bahawa pegawai mahkamah memerlukan latihan yang lebih.

Bagi menafikan dakwaan tersebut, Farah Safura (2015) berpendapat bahawa isu diskriminasi tidak wujud dan tidak pernah dilakukan di Mahkamah Syariah. Tambahnya lagi, Mahkamah Syariah sentiasa berusaha sedaya upaya memberi perkhidmatan terbaik untuk memberi hak sama rata kepada pelanggan. Sekalipun masalah timbul isu tersebut tiada kaitan dengan diskriminasi terhadap hak wanita, tetapi berkaitan kelemahan pentadbiran mahkamah itu sendiri. selain itu Ahmad Hidayat Buang (2004) mengatakan bahawa permasalahan kes tertangguh ini bukan berpunca daripada Mahkamah Syariah semata-malah. Malah, peranan dari pihak-pihak dan peguam juga memainkan peranan yang penting. Dalam kes pengesahan lafaz cerai contohnya, kes sukar untuk diselesaikan tanpa kehadiran dari pihak suami. Oleh itu tangguhan terpaksa dilakukan dan tarikh lain ditetapkan untuk mendapatkan keterangan dari pihak suami. Justeru, masalah kes tertangguh ini wujud, namun perkara tersebut tidak wajar diletakkan kesalahan ke atas Mahkamah Syariah. Malah pihak-pihak harus memainkan peranan dalam kes pembubaran perkahwinan untuk mengelakkan kes tertangguh (Nik Roslina, 1999) Meskipun isu penangguhan kes dan *court bashing* terhadap Mahkamah Syariah tidak ketara seperti sebelum tahun 2000, masalah tersebut terus berlaku apabila peningkatan kadar pembubaran perkahwinan dan kadar penangguhan sentiasa dicatatkan.

Isu diskriminasi wanita di Mahkamah Syariah tidak pernah wujud dalam sistem pentadbiran Mahkamah Syariah. Berikutan isu tersebut, pengkaji telah mengadakan sesi temubual bersama Hakim Syarie untuk mendapatkan penjelasan tentang perkara tersebut:

*saya tak setuju dengan kenyataan mengatakan diskriminasi terhadap wanita. dia....faktor lainlah..seperti yang dikatakan tadi, bila kesnya tidak dapat diselesaikan itu yang seolah olah nampak seperti diskriminasi terhadap wanita. Faktor suami tak hadir, faktor pengetahuan pihak suami isteri, lantik peguam. jadi benda benda tu lah ...tapi biasalah orang bila mohon cerai dia nak benda tu selesai cepat ..melambat lambat kes atau faktor lain..jadi dia rasa benda tu diskriminasi terhadap dia..padahal kalo benda tu dijalankan mengikut prosedur yang betul, inshaAllah tiada timbul diskriminasi tersebut.*

( Temubual UMS/MRSPJ/R1 4Julai 2014)

Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa isu diskriminasi tidak wujud dalam pentadbiran di Mahkamah Syariah. Ketidakhadiran pihak-pihak dan kerehuan birokrasi menjadi cabaran besar kepada Mahkamah Syariah dalam proses penghakiman sesuatu kes pembubaran perkahwinan. Hakim Syarie tidak dapat menetapkan penghakiman sekiranya tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan. Contoh, dalam kes fasakh dan pengesahan lafaz cerai, keterangan daripada pemohon dan defenden diperlukan. Bukan itu sahaja, penzahiran bukti, keterangan saksi-saksi juga perkara yang biasa dalam prosedur kes. Sekiranya tidak lengkap, maka penangguhan wajar untuk dilakukan. Jadi isu di sini bukan isu diskriminasi hak wanita, malah lebih kepada untuk menjaga hukum Islam itu sendiri. Sebenarnya, mengikut pemerhatian pengkaji isu seperti penangguhan kes tersebut sememangnya wujud, namun penangguhan tersebut tidak adil untuk dilabel sebagai diskriminasi terhadap hak wanita.

Namun, Mahkamah Syariah akan berdepan dengan cabaran untuk menyelesaikan sesuatu kes apabila pihak-pihak dan peguam syarie tidak memberi kerjasama. Penangguhan tersebut wajar untuk dilakukan apabila dirasakan wajar dan perlu oleh Hakim Syarie.

**Jadual 1** Statistik kes pembubaran perkahwinan (Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, JAKESS 2012 )

BIL	KOD KES	JENIS KES	BAKI 2011	DAFTAR	JUMLAH SELESAI	TANGGUH
1	014	Tuntutan fasakh	1,092	1,870	1,247	1,715
2	054	Tuntutan pengesahan lafaz cerai	1,235	3,880	3,600	1,515
3	055	Tuntutan penceraian	1,275	4,278	4,097	1,456
4	056	Tuntutan khuluq / tebus talak	19	28	17	30
5	057	Tuntutan pengesahan cerai takliq	181	215	187	209
6	058	Tuntutan sabitan nusyuz	78	163	140	101
		<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3 880</b>	<b>10 434</b>	<b>9 288</b>	<b>5 026</b>

Menurut statistik, kes yang kerap tertangguh ialah kes fasakh dan kes pengesahan lafaz cerai. Ini bermakna bukan semua jenis kes pembubaran perkahwinan yang kerap berhadapan dengan penangguhan. Tuduhan yang telah dilemparkan oleh Sisters in Islam dan seperti mana yang dinyatakan di atas juga berpunca daripada tidak puas hati terhadap kes fasakh. Contoh kes Aida Melly merupakan kes fasakh yang telah berlangsung selama tujuh tahun. (Aida Melly, 2008 )Kes tersebut telah mendapat liputan meluas akhbar tempatan dan kelemahan sistem pentadbiran Mahkamah Syariah telah diperlihatkan dan secara tidak langsung mencalarakan imej Mahkamah Syariah (Utusan Malaysia,2002) Atas desakan itu, MahkamahSyariah perlu mempergiatkan usaha untuk memberi tumpuan kepada kes yang kerap bermasalah iaitu, kes fasakh dan kes pengesahan lafaz cerai.Oleh itu kertas kerja ini akan membincangkan tentang kenapa kes tersebut kerap tertangguh dan apakah permasalahan yang kerap berlaku sehingga Hakim Syarie perlu untuk menangguhkan kes tersebut dengan kerap berbanding kes lain.


### ■3.0 OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor permasalahan terhadap kes pembubaran perkahwinan yang kerap tertangguh di Mahkamah Syariah. Secara khususnya kajian ini dilakukan untuk;

- i) Menenalpasti elemen kes yang kerap bermasalah
- ii) Menenalpasti kes yang kerap bermasalah
- iii) Menenalpasti faktor kes pembubaran perkahwinan kerap bermasalah

### ■4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan menjadikan data temubual sebagai data utama dan data analisis dokumen sebagai data sokongan. Pengkaji menggunakan kaedah temubual bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan mendalam tentang data-data yang baharu berkaitan tajuk . Temubual tersebut dijalankan bersama barisan pegawai syariah yang terdiri daripada Hakim Syarie, Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah dan Peguam Syarie.Data Sokongan iaitu analisis dokumen melibatkan kes fail cerai dengan menggunakan purposive sampling.(welman, Kauger & Mitchell, 2005) Analisis data temubual dijadikan data utama yang melibatkan proses yang sistematik seperti menyediakan transkrip, pengekodan, mengenalpasti tema dan pembinaan tema, membina sub tema & sub-sub tema, menganalisis tema, dan mempersembahkan tema. (welman, et.al 2005)

**Rajah 2** Proses penganalisan data temubual (Welman,et.al 2004)

Melalui data tembuhal, akan dijadikan dalam bentuk transkrip. Kemudian akan dibina data verbatim dengan menggunakan perisian Nvivo untuk membentuk data utama dan sub-sub tema terlibat juga akan dikenalpasti. Bagi menghasilkan tema-tema kajian, pengkaji menggunakan perisian Nvivo kerana perisian tersebut mudah dan sesuai dengan cara kerja dalam pembentukan model akhir kajian. (Uwe, F., Ernst, V.K., & Ines, S 2004)

## ■ 5.0 HASIL DAN PERBINCANGAN

Antara elemen untuk mengkategorikan sesuatu kes itu kerap bermasalah ialah isu kes tertangguh, kritikan diskriminasi wanita dan beberapa isu permasalahan lain. Elemen tersebut diperolehi melalui kaedah literatur yang telah dijalankan. Statistik juga menunjukkan kes fasakh dan kes pengesahan lafaz cerai merupakan dua kes pembubaran perkahwinan yang kerap bermasalah. Antara faktor-faktor yang akan dibincangkan ialah faktor kefahaman prosedur, faktor prosedur undang-undang, faktor pentadbiran dan faktor emosi.

## ■ 6.0 FAKTOR KEFAHAMAN UNDANG-UNDANG

Berdasarkan hasil dapatan kajian semua responden bersetuju bahawa sesuatu kes yang bermasalah berpunca daripada ketidak fahaman perosedur undang-undang. Pihak-pihak menganggap apabila hadir ke mahkamah, kes mereka akan terus diselesaikan tanpa melakukan persediaan asas tentang prosedur undang-undang. Antara salah satu sebab kes kerap bermasalah adalah kerana pihak-pihak tidak faham prosedur yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Syariah. Atas sebab itu, kes terpaksa ditangguhkan dan mengambil masa panjang untuk diselesaikan. Hal ini dipersetujui oleh responden UMS/MRSSB/R4 iaitu,

*apa yang kurang di sini adalah pemahaman dan pengetahuan tentang prosedur*

(Temubual UMS/MRSSB/R4 2014)

Manakala responden UMS/M&M/R6 menyatakan seperti berikut;

*Bermasalah sebab ambil masa panjang..sebenarnya fasakh ni boleh jadi kurang masalah kalau pihak pihak tahu apa itu fasakh..ia boleh jalan tanpa kehadiran suami..pengesahan cerai bermasalah kalau suami tak datang..bila suami tak datang ada setengah isteri tunggu sampai setahun baru nak proceed..sebab dia tunggu setahun..baru dapat peguam..kita bawa fasakh selama setahun then dia claim bertahun tahun*

(Temubual UMS/M&M/R6 2014)

Responden menambah bahawa sekiranya pihak-pihak faham dan bersedia dengan kefahaman prosedur, berkemungkinan kes dapat dipercepatkan.

*.....boleh dicepatkan kalau prosedur tu dia tahu..arahan sultan di Selangor kes fasakh 6 bulan..kalau perhatikan..memang ada kes yang boleh disetelkan dalam tempoh 6 bulan..kena ada kerjasama la..ikut prosedur akan tangguh next date"*

(Temubual UMS/M&M/R6 2014)

Manakala responden UMS/M&M/R7 juga menjelaskan bahawa pihak-pihak tidak melakukan persediaan dari sudut kefahaman prosedur dan maklumat tentang perjalanan kes di Mahkamah Syariah. Responden menyifatkan kecuaiannya itu mengakibatkan kes tergendala dan terpaksa ditangguhkan ke tarikh yang lain. Kenyataannya seperti berikut;

*sebelum dia mohon kes di mahkamah dia tak dapat khidmat nasihat terlebih dahulu..and then bila dia apply ke mahkamah..tangguh lama..untuk sebutan saje..padahal kalau suami still tak datang dia boleh proceed ke fasakh..ilmu tu yang dia kurang..dia tak tahu. Kes fasakh ni kerap tertangguh sebab ilmu tiada*

(Temubual UMS/M&M/R7 2014)

Begitu juga dengan responden UMS/MRSPJ/R1 responden menyatakan bahawa fasakh sememangnya memerlukan beban pembuktian melebihi kes-kes pembubaran perkahwinan yang lain. Oleh itu, ilmu dan persediaan maklumat mengenai perkara itu harus diperolehi sedikit sebanyak.

*fasakh ni masalah pembuktian dia kena buktikan dakwaan dia tu..dokumen ..saksi..lagi teruk kalau dia tiada peguam..jadi dia tidak tahu prosidingnya..kadang kadang penyampaian pon sama ..dia tidak tahu suami dia kat mana..kalau suami kat luar Negara macam mana..dalam undang undang ni..penyampaian mesti sempurna..kalau penyampaian tidak sempurna tidak boleh mula bicara..bicara pula mengambil masa ..penyampaian pon makan masa jugak..tapi kalau dia tak tahu caranya..macam mana nak selesai dalam masa singkat*

(Temubual UMS/MRSPJ/R1 Julai 2014)

Sebenarnya, dalam hal berkaitan kefahaman undang-undang Mahkamah Syariah tidak mengharapkan kefahaman yang tinggi. Cukup sekadar tahu dan faham tentang prosedur asas bagi sesuatu kes yang dipohon. Hal ini berikutan ketidak fahaman perkara asas membuatkan prosedur tergendala dan hakim perlu mengambil masa untuk memberi kefahaman sekiranya dirasakan wajar atau ditangguhkan.

*samalah dengan apa yang dicakapkan tadi..kadang kadang apa yang ditanya..memang kes tu mohon cerai..tapi bila sampai turn dia..bila ditanya permohonan apa..dia jawab mohon cerai..sebenarnya tuntutan fasakh ..jadi kat situ dia tidak boleh nak bezakan..sedangkan cerai ada banyak..fasakh..pengesahan cerai..ta'lik..itu pon tidak boleh bezakan..dia mohon fasakh ke..apa ke..jadi kat situ kita terpaksa terangkan supaya dia ambil tahu..itu masalah pengetahuan. Tengok waktu tu..kalau ada masa kita*

*terangkan..fasakh macamni..ta'lik macamni..mohon cerai macamni..macam talak..dia tak tahu suami dia di mana..tapi dia mohon cerai..sedangkan permohonan cerai ni suami kena datang tapi dia teruskan jugak.*

(Temubual UMS/MRSPJ/R2,2014)

Sebagaimana kebiasaannya, prosiding yang berkaitan dengan pembubaran perkahwinan adalah dikategorikan dalam kes mal yang dimulakan samada dengan permohonan atau tuntutan. Bagi kes yang dimulakan dengan permohonan, setiap notis permohonan dan affidavit sokongan hendaklah dilengkapkan. Manakala kes yang dimulakan dengan tuntutan hendaklah melengkapkan saman beserta dengan pernyataan tuntutan. (Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah,2013) Kegagalan pihak-pihak melengkapkan borang tersebut akan memberi permasalahan kepada kelangsungan perjalanan kes. Hal ini turut dipersetujui oleh responden UMS/MRSPJ/R3;

*cuma saya nak tekankan tentang faktor masalah tentang pembubaran perkahwinan ni..pertamanya pelanggan itu sendiri..saya setuju tuan din dan tuan halim kata..pemahaman tu..berkaitan pendaftaran..pleeding awal, penyampaian..kita suruh bagi kepada suami tapi laporan tiada..dia tidak minta tanda tangan suami..jadi tiada laporan menatakan suami terima saman tersebut ..seperti apa yang tuan hali kata..dia tak faham apa yang dia mohon, seperti kes saya pagi tadi..saya Tanya kes apa..dia jawab kes nafkah padahal kes lain iaitu fasakh..jadi dia pon xfaham..nafkah tu sebahagian dari alasan untuk mohon fasakh..tapi dia tidak faham..memanglah isu dia nafkah..tapi sebab ada isu suami hilanglah..tidak ada persefahamanlah..sepatutnya jadi kes fasakh..jadi ia berkaitan pemahaman undang-undang itu sendiri*

(Temubual UMS/MRSPJ/R3 2014)

Responden UMS/MRSHL/R9 menyifatkan mahkamah menjalankan tugas mengikut apa yang telah diperuntukkan oleh enakmen. Oleh itu, pihak-pihak haruslah memberi kerjasama dan mendapatkan maklumat secukupnya tentang perjalanan kes bagi memastikan prosiding berjalan dengan lancar.

*yang kedua, akibat ..errmm..tidak mendapat pengetahuan yang secukupnya berkenaan prosedur..lebih malang lagi apabila pihak-pihak tu sendiri menyembunyikan fakta...bagi pandangan mereka, memudahkan mereka menyelesaikan masalah..tapi itu sebenarnya menjadikan masalah buat mereka..kadang –kadang kerjasama tak dapat dari pihak- pihak..pada kami, pada dasarnya mahkamah ni..inshaAllah lah kita jalankan berasaskan keadilan, melalui prosedur yang ditetapkan.*

(Temubual UMS/MRSHL/R9 2014)

Begitu juga dengan responden UMS/MRSHL/R8, kekurangan ilmu dan maklumat asas perundangan mengakibatkan kelewatan kes.

*saya rasa keseluruhan kes pon sama...memandangkan kes ini yang dikatakan bermasalah, saya rasa isu pertama ialah pihak tak faham intipati kes..dan bagaimana benda tu nak dibuktikan. Jadi di sini, intipati fasakh pun tidak jelas..bila tidak jelas lagi lagi dalam kes didengar sebelah pihak, isteri dakwa suami tidak menyediakan nafkah.. terutama menimbulkan qarinah suami tidak menyediakan nafkah jadi kat sini kat mana pembuktian yang ingin dibawa..ha, yang ini menimbulkan satu hal*

(Temubual UMS/MRSHL/R8 2014)

Manakala responden UMS/MRSKS/10 menyifatkan kekurangan maklumat dan persediaan menyebabkan kecuaiian dalam mengisi borang permohonan di mana perkara tersebut asas permulaan dalam prosiding kes pembubaran perkahwinan.

*Dan kes fasakh, walaupun saya kata bukan sering menimbulkan masalah tapi kadang-kadang masalah untuk fasakh..fasakh ni bermula kalau orang biasa..drpd peringkat pendaftaran tiada peguam..memang ada timbulkn masalah..masalah untuk dia faham..untuk dia filekan alasan kepada tuntutan fasakh secara betul sebab ada setengahnya bila kita sediakan salinan sek.53 di kaunter dia akan ambil sebijik..seksyen tulis gitu, gitu lah dia tulis ..sedangkan kalau kita belajar pleading mestilah penyata tuntutan yang ringkas, padat ..tapi kalau contohla..saya bagi contoh..ni antara faktor jadi lambatlah..sepatutnya dia tulis saya tuntutan fasakah atas alasan tersebut, suami tidak beri nafkah lebih dari 3 bulan bermula jan 2015 smpai jun 2015..klu cmtu jelas..ringkas, padat..tapi yang jadi masalah..dia tulis,tidak jelas.*

(Temubual UMS/MRSKS/10 2014)

Responden menambah bahawa pihak-pihak tidak bersedia dalam mendapat ilmu dan maklumat tentang kes yang mereka bawa di hadapan Hakim Syarie. Mungkin juga mereka tidak jelas tentang perkara yang berkaitan kes mereka.

*kalau kes pengesahan cerai ..dalam keadaan kes pengesahan cerai, pihak-pihak pergi ke pejabat agama..yelah kang kita kata orang kita juga..kadang- kadang tak dapatkan nasihat yang jelas..kadang peguam pun tidak beri nasihat yang jelas..sebab dalam pengesahan cerai pemahaman terhadap 5 rukun dan biasanya pihak-pihak ni tidak boleh beza rukun qasad dan maksud niat dalam isu lafaz kinayah..yang ni pernah berlaku depan saya dan pihak tak dapat beza.*

(Temubual UMS/MRSKS/10 2014)

Manakala responden UMS/MRSSB/R4 menyifatkan peruntukkan yang terdapat dalam enakmen adalah berdasarkan hukum syarie dan menjadi tanggungjawab pihak-pihak untuk mempersiapkan diri dengan pengetahuan sebelum hadir ke Mahkamah Syariah.

*kerap bermasalah....errmm..berkenaan dengan kes fasakh dan pengesahan cerai...kena lihat di sini berkenaan dengan ..saya tidak mengatakan prosiding itu salah..saya tak katakan apa yang dikanunkan itu salah...undang-undang itu sudah di buat sebegitu dan pada saya tidak ada kekurangan..apa yang kurang di sini adalah pemahaman dan pengetahuan.*

(Temubual UMS/MRSSB/R4 2014)

Perkara tersebut turut dipersetujui oleh responden UMS/MRSHL/R9.

*yang kedua, akibat ..errmm..tidak mendapat pengetahuan yang secukupnya berkenaan prosedur..lebih malang lagi apabila pihak-pihak tu sendiri menyembunyikan fakta...bagi pandangan mereka, memudahkan mereka menyelesaikan masalah..tapi itu sebenarnya menjadikan masalah buat mereka..kadang –kadang kerjasama tak dapat dari pihak- pihak..pada kami, pada dasarnya mahkamah ni..inshaAllah lah kita jalankan berasaskan keadilan, melalui prosedur yang ditetapkan*

(Temubual UMS/MRSHL/R9. 2014)

Responden UMS/SM/R5 juga tidak menafikan bahawa kekurangan ilmu tentang prosedur pembubaran perkahwinan menjadikan kes kerap bermasalah.

*Pengetahuan awam memang sangat kurang..ramai orang tidak tahu bila lafaz cerai dibuat diluar mahkamah, perlu didengar sekurang kurangnya kepada dua saksi lelaki..kelewatan yang sering terjadi dalam kes ni..bila suami atau pihak-pihak tidak hadir, tidak beri kerjasama..ataupun meninggal..tidak sempat nak failkan pembubaran perkahwinan ke..dan isteri pulak tiada dua saksi..kalaulah dia faham undang-undang bukan itu yang dia failkan..Cuma jadi lambat sebab dia tidak paham undang-undang..dia Cuma mengharapkan dengan lafaz yang suami lafaz..pada akak hal itu masih kurang lagi..kita perlu war- warkan lagi..supaya bila mereka mula failkan kes mereka dah tahu dah apa yang perlu..mahkamah pula harus menepati hukum syarak..sekurangnya dua saksi lelaki*

(Temubual UMS/SM/R5 2014)

Amalannya, pihak-pihak sama ada plaintif (pemohon) atau defenden (pihak yang dipohon) perlu mempersiapkan ilmu pengetahuan tentang prosedur di Mahkamah Syariah. Penyampaian borang permohonan atau saman adalah penting untuk meminta pihak satu lagi hadir pada tarikh yang ditetapkan. Bukan itu sahaja ilmu tentang kes yang dipohon harus difahami dengan jelas, atau tidak dapatkan nasihat dari pegawai atau orang lain. (Suwaid Tapah, 2007) Selain itu ketidak hadiran pihak-pihak akibat mengambil lengah hal berkaitan kes antara penyebab kes lewat diselesaikan dan ditangguh ke satu tarikh yang lain.Mereka tidak tahu tentang kesan akibat daripada ketidakbersediaan mereka terhadap prosedur kes.(Ahmad Hidayat Buang,2007: Siti Zubaidah, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Zulfikri Yaso, 2011)

## ■7.0 FAKTOR PROSEDUR UNDANG-UNDANG

Kes fasakh dan kes pengesahan lafaz cerai dilihat sebagai kes yang kerap bermasalah kerana terikat dengan prosedur yang telah ditetapkan seperti memerlukan beban pembuktian yang berat dalam menetapkan sesuatu perintah penghakiman dan prosedur mendatangkan saksi dan sebagainya. Sepertimana kenyataan responden UMS/MRSPJ/R1,

*kes yang banyak didaftarkan seperti fasakh sebab isteri lihat jalan keluar bagi semua yang tidak mahu melafazkan talak adalah fasakh, kalau dia mohon cerai suami pulak tidak setuju Cuma pembuktian, alasan ada.sebab itu kes fasakh itu susah sikit tapi jalan keluar yang ada adalah itu daripada mohon cerai dan suami tak setuju untuk bercerai lebih baik mohon fasakh sekiranya ada alasan yang munasabah sebab tu kes fasakh banyak disamping kes pengesahan cerai ada suami lafaz talak diluar mahkamah dia daftarkan fasakh asalnya, dan kita kena tangguhkan dulu untuk selesaikan kes pengesahan tu pula itulah antara kes fasakh lambat untuk diselesaikan..*

(Temubual UMS/MRSPJ/R1 Julai 2014)

Selain faktor tidak memahami prosedur dengan baik, kes fasakh berhadapan dengan faktor beban pembuktian yang berat. Hal ini menyebabkan kes fasakh sedikit rumit berbanding kes pembubaran perkahwinan yang lain. Ini turut diperakui oleh responden UMS/MRSPJ/R1

*kalau kes fasakh dengan kes cerai didapati bermasalah..kes fasakh ni masalah pembuktian dia kena buktikan dakwaan dia tu..dokumen ..saksi..lagi teruk kalau dia tiada peguam..jadi dia tidak tahu prosidingnya*

(Temubual UMS/MRSPJ/R1 Julai 2014)

Walau bagaimanapun responden UMS/MRSPJ/R3 mengatakan bahawa Mahkamah Syariah sedaya upaya untuk memendekkan masa perbicaraan kes fasakh. Kenyataan seperti;

*saya mungkin ada nak tambah sikit..rentetan dri yang tuan sebut tadi Ok perjalanan kes fasakh yang lama berbanding dengan permohonan lain ...dimana ada tindakan yang dibuat diperingkat pendaftaran bagi memastikan alasan pastu dia punya bukti semua ada baru kita pindahkan ke dewan perbicaraan..kalau dulu ..memakan masa yang lama..sebab untuk betulkan alasan..saman..proses di mana perkara yang diperingkat permulaan pleading pastu proseding mula tu dah banyak yang dah stuck. Jadi sekarang ni kita cuba ringkaskan kita...errmm..apa orang cakap..kita tak jamin tapi sekurangnya tempoh 5 tahun kita boleh kurangkan ke tempoh 2 tahun..contoh macamntulah..itu sajalah.*

(Temubual UMS/MRSPJ/R3 Julai 2014)

Beban pembuktian yang berat dalam kes fasakh sekiranya tidak dijalankan dengan baik, perkara tersebut akan lebih rumitkan kes pembubaran perkahwinan. Disebabkan kes fasakh memerlukan beban pembuktian yang berat, ilmu dalam membuktikan fakta kes amat penting. UMS/MRSHL/R8 menyatakan bahawa,

*keduanya kalau bercerai dua belah pihak adakah berlakunya beban bukti berpindah.Berpindah beban bukti ini satu hal jugak yang pihak Defendan kena paham sebagai suami apa yang perlu dibawa..dalam keadaan ini bila nak bergaduh tapi yang digaduhkan itu masih tak jelas..jadi mengarut..perbicaraan jadi merepek.*

(Temubual UMS/MRSHL/R8 2014)



Menurut responden UMS/MRSKS/R10 fail tuntutan dan fakta kes dalam kes fasakh harus ditulis dengan teliti dan lengkap kerana perkara tersebut merupakan syarat-syarat dalam pendakwaan sesuatu kes. Oleh itu, sekiranya fail tuntutan tidak lengkap akan menjejaskan prosiding kes pembubaran perkahwinan. kenyataan seperti berikut;

*sepatutnya kalau alasan tu dah lengkap, nanti suami datang terus je failkan pembelaan. Kita tak benarkan suami failkan pembelaan sebab tuntutan tak jelas lagi. jadi kalau tanya kenapa penting sangat penyata tuntutan ni..haa ni awak kene kaji, sebab tuntutan tu mesti jelas sebab antara syarat-syarat ..kalau kita belajar dalam bab dakwa, bayyinah..nak mendakwa mesti jelas..mesti sekian,sekian..an takunas sorihah..jadi kalau tak jelas bidangkuasa nak dengar pun tak boleh..hakim tak boleh nak teruskan selagi pleading belum sempurna, belum lengkap..tu syarat dakwaan..maksudnya berbalik pada hukum syarak..dan begitu juga tatacara mal..bukan daripada hakim tu sendiri nak menyusahkan pihak-pihak..tu tak de..*

(Temubual UMS/MRSKS/R10 2015)

Begitu juga dengan responden UMS/SM/R5 yang menyatakan bahawa fasakh memerlukan beban pembuktian yang tinggi untuk Hakim Syarie membubarkan perkahwinan. Oleh itu wajar dan menjadi kebiasaan untuk berlaku penangguhan apabila dokumen tuntutan tidak lengkap dan sebagainya.

*Berbanding dengan kes fasakh..perlu dakwaan yang mana memerlukan tahap keyakinan yang tinggi untuk hakim membubarkan perkahwinan..bukan mudah untuk mahkamah membubarkan perkahwinan.. bila mahkamah yakin dan berpuas hati..tidak wajar diteruskan..jadi bila sebut fasakh mesti lalui prosiding perbicaraan..bila lambat, untuk perkara common..biasa..tak pelik..*

(Temubual UMS/SM/R52014)

Siti Zubaidahet.al (2011) juga dalam pendapatnya mengatakan bahawa isu penangguhan ini adalah perkara biasa dan bukan sahaja Mahkamah Syariah berhadapan dengan penangguhan, Mahkamah Sivil turut mengalami perkara sama.Oleh itu penangguhan itu biasa dalam prosedur undang-undang. Peruntukkan undang-undang yang ketat juga dilihat sebagai salah satu faktor kes kerap bermasalah. Responden UMS/MRSHL/R9 menyifatkan Mahkamah Syariah terikat dengan hukum syarak dan permasalahan yang timbul akibat kekeliruan masyarakat tentang prosedur,

*sebenarnya, masalah ni ..saya ni bukan nak menuduh..menyalahkan sesiapa tu tak lah...pertama sekali kita harus ingat bila kita berada di institusi kehakiman ni kita terikat dengan hukum syarak..kemudian ianya diadaptasikan melalui prosedur kita. Pada pandangan saya yang menimbulkan masalah ni akibat kekeliruan.*

(Temubual UMS/MRSHL/R9 2014)

Peruntukkan telah menetapkan bahawa kes pengesahan lafaz cerai memerlukan kehadiran suami untuk hadir dan dua orang saksi. Hal ini bertepatan dengan hukum syarak itu sendiri. Penangguhan terpaksa dilakukan bagi memenuhi peruntukkan. Responden UMS/MRSPJ/R1 dalam kenyataannya;

*Dalam kes pengesahan cerai pula..dalam kes suami tidak datang ..macam mana nak sabit pulak..tambahan lagi kalau tidak ada saksi..kalau suami datang dgn isteri senang..tiada masalah penangguhan macamm..ni masalahnya bila suami tidak hadir ke mahkamah..atau hilangkan diri..atau saja lari..jadi isteri tu pula tidak tahu nak buat macam mana ..sebab dia tiada input guaman.*

(Temubual UMS/MRSPJ/R1 Julai 2014)

Hal ini turut dipersetujui oleh responden UMSMRSKS/R10

*Kalau bagi kes pengesahan cerai..sebab pengesahan cerai nak tak nak kedua-dua pihak kena hadir..isteri sebagai plaintif ke , suami sebagai defenden ke..mesti kene hadirkan suami..tu kadang-kadang di peringkat awal kalau saman sempurna ..kalau berdasarkan mahkamah..saman dah sempurna, tempoh masa dah cukup, suami tiada alasan..biasa kita lulus..kita tangkap, hadirkan dia.*

(Temubual UMSMRSKS/R10 2014)

Prosedur yang ketat terhadap kes pengesahan lafaz cerai dan fasakh adalah perlu untuk memastikan keadilan semua pihak.Prosedur menetapkan dalam kes pengesahan lafaz cerai perlukan kehadiran suami. Dua orang saksi dan beberapa syarat lain. Kegagalan untuk hadir menjadikan kes tertangguh dan sukar untuk hakim menetapkan perintah. Ini seperti mana yang dinyatakan oleh responden UMS/SM/R5

*pertamanya..dari segi hukum syarak tu sendiri..kehendak kes fasakh memerlukan kepada pendakwaan..pembuktian..jadi ia bukanlah semudah kes pembubaran perkahwinan bersama yang mana cukup sekadar pihak-pihak merasakan perkahwinan tidak boleh diteruskan lagi..tak boleh menjalankan tanggungjawab masing-masing, dan mahkamah akan membenarkan suami melafazkan talak.*

(Temubual UMS/SM/R5 2014)

Oleh itu tidak hairan sekiranya kes-kes tersebut berhadapan dengan penangguhan yang lebih lama berbanding kes lain. Mahkamah Syariah telah dipersiapkan dengan prosedur yang telah ditambah baik dari semasa ke semasa. Prosedur dalam kes fasakh dan kes pengesahan lafaz cerai memerlukan panduan dan peraturan yang lebih berbanding kes lain. Ini kerana pentingnya untuk kes seperti kes fasakh mendapat bukti sekiranya dizalimi suami, keterangan dari pihak-pihak dan saksi saksi, pembuktian, sumpah dan sebagainya. Pemakaian konsep *al bayyinah* misalnya, memberikan ruang kepada pihak-pihak dalam mengemukakan tuntutan atau pembelaan dan proses ini penting dalam penghakiman dan sebagai salah satu proses keadilan. (Ruzman,2007)

## ■8.0 FAKTOR PENTADBIRAN

Memandangkan tidak semua masyarakat mampu memahami hukum syarak dengan baik, menjadi tanggungjawab jabatan agama untuk memberi panduan dan nasihat kepada mereka. Perlu difahami di sini bahawa Mahkamah Syariah tidak berbidangkuasa dalam memberi nasihat. Oleh itu, pihak-pihak boleh merujuk kepada jabatan agama terdekat, biro bantuan guaman atau peguam syarie. Kekeliruan dalam penyampaian tersebut menjadikan pihak-pihak tidak memahami undang-undang dengan baik. Responden UMS/MRSHL/R8 dalam kenyataannya seperti berikut:

*kalau kes pengesahan cerai ..dalam keadaan kes pengesahan cerai, pihak-pihak pergi ke pejabat agama..yelah kang kita kata orang kita juga..kadang- kadang tak dapatkan nasihat yg jelas..kadang peguam pun tidak beri nasihat yang jelas..sebab dalam pengesahan cerai pemahaman terhadap 5 rukun dan biasanya pihak-pihak ni xleh beza rukun qasad dan maksud niat dalam isu lafaz kinayah..yg ni pernah berlaku depan saya dan pihak tak dapat beza.*

(Temubual UMS/MRSHL/R8 2014)

Manakala responden UMS/M&M/R7 juga tidak menyangkal kenyataan bahawa pihak-pihak tidak mendapatkan nasihat perundangan terlebih dahulu sebelum memfailkan permohonan ke mahkamah. Perkara tersebut boleh mengakibatkan penangguhan kes ke tarikh lain

*sebelum dia mohon kes di mahkamah dia tak dapat khidmat nasihat terlebih dahulu..and then bila dia apply ke mahkamah..tangguh lama..untuk sebutan saje.....pastu dia marah kita balik..kata kes dia dh berjalan lama..sedangkan dia yang tak dapatkan nasihat undang-undang terlebih dahulu.*

(Temubual UMS/M&M/R7 2014)

Bagi pihak mahkamah sendiri bukan menjadi tanggungjawab mereka dalam memberi nasihat dan panduan tentang kes pembubaran perkahwinan. Piagam itu tidak diketahui oleh ramai masyarakat. Responden UMS/MRSPJ/R1 mengingatkan bahawa Mahkamah Syariah terikat dengan perkara tersebut. Penjelasannya seperti berikut:

*kalau kita ni sebagai hakim..di mahkamah kita terikat..tak bole bagi nasihat..tak boleh bagi tunjuk ajar sewenagannya untuk elak bias..samada kita ni hakim bersifat turun padang sahaja ke..langsung taknak campur ke ..seni masing masing..kalau tak nak campur..biarlah apa jadi pon pada dia..ada setengahnya hakim campur tangan..banyak bagi panduan dan tunjuk ajar tapi nanti masalah pula kalau kes itu dirayu pula suami rayu di mahkamah yang lebih tinggi nanti jadi masalah pula..jadi, banyak dilema.*

(Temubual UMS/MRSPJ/R1 2014)

Menyentuh isu kelemahan pentadbiran Mahkamah Syariah, Maznah Mohammad (2000) berpandangan institusi perundangan harus lebih peka terhadap kebajikan orang yang ingin menuntut pembelaan. Pentadbiran Mahkamah yang rumit membuatkan kaum wanita terutamanya tertekan. Apatah lagi buat mereka yang pertama kali ke institusi berkenaan. Menurut pemerhatian pengkaji yang pernah bekerja di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, isu Mahkamah Syariah tidak berbidangkuasa dalam memberi nasihat harus diperbaiki kerana kebanyakan pelanggan yang hadir tidak maklum tentang maklumat tersebut dan perkara itu memaksa mereka berpatah balik ke pejabat agama bagi mendapatkan nasihat perundangan. Hal ini sedikit sebanyak melambatkan perjalanan kes dan memberi imej negatif kepada pentadbiran agama. Apatah lagi kebanyakan pelanggan yang hadir bagi kes pembubaran perkahwinan yang sarat dengan emosi.

## ■9.0 FAKTOR EMOSI

Selain faktor yang telah disebutkan tadi, faktor pengaruh emosi juga menjadikan kes fasakh dan kes pengesahan lafaz cerai bertambah rumit. Emosi yang tidak dikawal dengan baik, menyebabkan prosiding kes terisi dengan isu yang remeh. Hal itu sedikit sebanyak mengganggu perjalanan prosiding kes. Ini seperti mana yang dikatakan oleh responden UMS/MRSHL/R8

*kenapa saya terangkan kepada intipati..contoh dalam kes fasakh mereka lebih banyak meluahkan perasaan daripada mendakwa sesuatu fakta.Kita faham intipati kes yang perlu dibuktikan kemudian..tapi dalam hal lain..bila isteri datang mahkamah, datang sekadar meluahkan perasaan*

(Temubual UMS/MRSHL/R8 2014)

Jelas, kegagalan mengawal emosi turut mengganggu kelancaran perjalanan kes samada di dalam dewan mahkamah atau di luar. UMS/MRSHL/R8 menyatakan bahawa

*dalam keadaan ini bila nak bergaduh tapi yang digaduhkan itu masih tak jelas..jadi mengarut..perbicaraan jadi merepek*

(Temubual UMS/MRSHL/R8 2014)



**Jadual 3** Hasil dapatan faktor kes kerap bermasalah

Bil	Jenis kes	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	R8	R9	R10
1	Tidak faham prosedur	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
2	Prosedur undang-undang	x		x		x			x	x	x
3	Faktor pentadbiran	x						x	x		
4	Faktor emosi total								x		

Berdasarkan jadual di atas, jelas menunjukkan semua responden bersetuju bahawa kekurangan ilmu pihak-pihak adalah faktor utama kes pembubaran perkahwinan kerap bermasalah. Maznah Mohammad (2000) turut mengakui dalam tulisannya, bahawa seseorang yang berurusan dengan institusi perundangan harus peka tentang prosedur dan proses formal. Pengalaman pertama kali hadir ke mahkamah dijadikan sebagai alasan kekurangan ilmu pengetahuan tentang prosedur di Mahkamah Syariah. Justeru, ilmu berkaitan perundangan penting agar memastikan kelancaran kes, terutamanya kes pembubaran perkahwinan yang sedia ada meningkat.

## 10.0 KESIMPULAN

Mahkamah Syariah merupakan institusi kehakiman Islam yang berperanan penting dalam hal pentadbiran kes pembubaran perkahwinan. Kadar Peningkatan kes cerai yang semakin membimbangkan mendesak Mahkamah Syariah terus meningkatkan kualiti pentadbiran agar dapat mengawal situasi mengikut peredaran semasa. Secara logiknya, apabila kes pembubaran perkahwinan meningkat, peningkatan kes tertangguh juga mungkin berlaku sekiranya tiada penambahbaikan pentadbiran dilakukan. Berdasarkan perbincangan jelas menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah perlu meningkatkan tahap usaha mereka dalam menambah baik pentadbiran kes pembubaran perkahwinan. Meskipun proses kerja *Fast Track* telah diperkenalkan, namun proses itu hanya untuk permohonan cerai di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam sahaja. Justeru, Fasakh dan kes pengesahan lafaz cerai memerlukan reformasi dan pendekatan baru dari sudut pemantapan sistem pentadbiran supaya masalah kes tertangguh berkaitan kes tersebut dapat ditangani. Ini bagi mengelakkan tuduhan dari masyarakat dan bertujuan menonjolkan pentadbiran Islam yang cekap dan berkualiti, sesuai dengan *tagline* Mahkamah Syariah itu sendiri, Syariah Asas Keadilan.

## Rujukan

- Ahmad Hidayat Buang. (2007). *Prosedur Mal di Mahkamah Syariah dalam Undang-undang Islam di Malaysia. Prinsip dan Amalan*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Aida Melly. (2008). *SHLR*, 85.
- Berita Harian. (2015). *Proses Cerai Hanya 6 Jam 4 Julai 2015*.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. (2003). International Law Book Services, Selangor
- Farah Safura Muhammad. (2015). A Review of Discrimination Against Women in Shariah Courts. *Jurnal Sains Humanika*, 5(3), 9-14
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. (2012). *Statistik Kes Pembubaran di Negeri Selangor*.
- Maznah Mohammad. (2000). *Islamic Family Law Reforms in Malaysia: Problems and Prospects for Women Empowerment in Maznah Mohammad*. Muslim Women and access to justice. Penang: Women's Crisis Centre
- Maznah Mohammad. (2000). *Di mana Berlaku Diskriminasi dalam Undang-undang Keluarga Islam dalam Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara Asean*. Yayasan Islam Terengganu.
- News Straits Times. (1996). *Syariah Court Officers Need Move Exposure, say Anwar, Bias Against Women Must Stop*. 26 Ogos 1996.
- Nik Roslina Binti Raja Ismail. (1999). *Kajian Perbandingan Mengenai Jangka Masa Yang Diambil Untuk Menyelesaikan Kes-Kes Berhubung Pembubaran Perkahwinan Serta Kekerapan Penangguhan Kes-Kes Di Antara Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Sivil*. Modul Praktikum Kursus Diploma Pengurusan Awam INTAN
- Raihanah Abdullah. (2009). Penangguhan Kes di Mahkamah Syariah: Cabaran dan Penyelesaian. *Jurnal Syariah*, 17,1.
- Ruzaman Md. Noor. (2007). *Pembuktian di Mahkamah Syariah dalam Undang-undang Islam di Malaysia. Prinsip dan Amalan*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sisters In Islam (1999) Reports on Case Study: Women's experience in the *Shariah Courts proceedings*. Special Reference To Federal Territory of Kuala Lumpur and Selangor.
- Siti Zubaidah Ismail, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Zulfikri Yaso. (2011). Justice Delayed Is Justice Denied? : Divorce Case Management in Malaysia Shariah Court. *Proceeding paper in International Conference on Management (ICM 20011)*.
- Suwaid Tapah. (2007). *Prosedur Pembubaran perkahwinan dalam Undang-undang Islam di Malaysia. Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Utusan Malaysia (2002) *Kelemahan Institusi Kehakiman Mahkamah Syariah Selangor di kaji*. 14 September 2002
- Uwe,F.,Ernst,V.K.,& Ines,S. (2004). *A Companion to Qualitative Research*. SAGE Publications, London.
- Welman, Kauger & Mitchell.(2005). *Research Methodology*. 3<sup>rd</sup> edition. Oxford University Press, Southern Africa.